

# INFINITI, ∞

Oleh : Dr. Nur Jannah Azman  
(Tim. Rektor PJIM&A UiTM Caw. Negeri Sembilan)

Pernah terfikir, berapa besar alam kita? Terlalu besar sehingga tak terjangkau dek akal. Positif infiniti. Pernah lihat atom atau zarah yang paling kecil? Rupanya sekadar imaginasi sahaja. Negatif infiniti. Malahan, objek-objek di depan mata pun kita tak mampu nak nyatakan saiznya dengan tepat. Kita mungkin boleh menjawab dengan betul tetapi tak tepat dan tak mungkin tepat. Alat pengukur fizik yang paling jitu dan persis pun masih berikan nilai ketidakpastian yang tak berkesudahan. Masih infiniti.

Dalam pengajaran di kelas, terutama topik Fizik: Pengukuran, jenuh juga menerangkan pada pelajar kenapa perlu meletakkan ketidakpastian di hujung bacaan pengukuran. Contoh :  $2.56 \pm 0.01$  mm. Berulang kali diterangkan terhadnya kemampuan segala jenis peralatan dan mesin ciptaan manusia.

Kerdilnya manusia bila difikirkan tentang infiniti. Simbol infiniti ini sememangnya mewakili sesuatu yang tidak boleh diukur malahan tidak berkesudahan. Jadi, tiada nombor yang diberikan dan boleh mewakilkannya. Sesuatu yang boleh kita ukur adalah sesuatu yang kelihatan dan nampak, dan sesuatu yang tidak boleh diukur adalah yang tidak kelihatan walaupun boleh dirasai kewujudannya.

Simbol infiniti,  $\infty$  mewakili suatu kuasa yang amat besar yakni Allah swt. Dengan meletakkan Allah di atas diri kita atau mengutamakanNya, kekuatan dan kudrat kita adalah bersandarkan apa yang Allah berikan. Yakni apabila kita bertawakal kepada Allah, nescaya apa yang kita bakal perolehi adalah yang terbaik untuk diri kita seadanya.

Dalam menjalankan tanggungjawab kita sebagai hamba Allah, ibu atau bapa, anak, pekerja malah pelajar, kita dihipit dengan tekanan dan masa. Melalui

pengalaman juga, kita belajar untuk mengimbangi peranan-peranan tersebut supaya kita tidak tersasar dari tujuan hidup. Ilmu yang kita timba dan sebarkan seharusnya menjadikan kita lebih tunduk dan serasa kecil di sisiNya. Malahan, terasa lagi digali ilmu dalam dunia semakin tampak infinitinya kuasa Tuhan.

Elakkan daripada berputus asa dan tergesa-gesa untuk mendapatkan hasil yang baik dalam ilmu malah pekerjaan. Bekerja secara tersusun, merancang dengan baik, usaha dan doa seikhlas hati dan tanpa jemu (infiniti) untuk memperoleh hasil yang sempurna di sisi Allah Taala. Doa yang berterusan dan infiniti untuk memohon hajat serta bersangka baik dengan Allah merupakan satu cara untuk keluar dari kepompong diri yang menghalang kita dari mengejar cita-cita. Reda dan ceria dalam menerima segala keputusan takdir yang ditetapkan serta sentiasa memaafkan agar darjat diangkat tinggi oleh Allah. Muhasabah diri setiap hari dalam memastikan segala aktiviti selari dengan matlamat hidup.

Akhir sekali, setiap insan haruslah yakin dengan Allah kerana kehebatan dalam diri terserlah dengan keyakinan kepada firmanNya tanpa had dan sempadan (infiniti).

Firman Allah Taala dalam Surah Yunus Ayat 61 yang bermaksud ***“Kamu tidak berada dalam suatu keadaan dan tidak membaca suatu ayat dari Al Quran dan kamu tidak mengerjakan suatu pekerjaan, melainkan Kami menjadi saksi atasmu di waktu kamu melakukannya. Tidak luput dari pengetahuan Tuhanmu biarpun sebesar zarah (atom) di bumi ataupun di langit. Tidak ada yang lebih kecil dan tidak (pula) yang lebih besar dari itu, melainkan (semua tercatat) dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh).”***